




## KEMASLAHATAN PENDIDIKAN & MODAL INSAN NEGARA

### PENDAHULUAN

Belakangan ini, soal pembinaan modal insan adalah antara perkara teras yang merupakan agenda utama program pembangunan sesebuah negara. Semasa pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) bagi tempoh antara 2006 dan 2010 yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menasaskan pembangunan modal insan dan pemupukan minda kelas pertama sebagai teras utama pembangunan negara dalam mencapai impian Wawasan 2020. Penumpuan kepada tiga strategi utama

untuk melahirkan modal insan kelas pertama, iaitu meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu, mengukuhkan keupayaan sains; penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi; dan memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral merupakan langkah bijak yang harus didokongi bersama-sama. Kesemua rakyat Malaysia tanpa mengira kelas masyarakat, strata umur, agama, bangsa, warna kulit, dan gender merupakan modal insan yang dapat diklasifikasikan sebagai agen penjana Wawasan 2020.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk memastikan negara ini muncul sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, pembangunan modal insan menerusi bidang pendidikan tetap diberikan penekanan. Hal ini cukup penting kerana kita memerlukan sejumlah besar golongan cerdik pandai bagi membolehkan kita bersaing di peringkat global. Menyadari kepentingan tersebut dan masa yang semakin suntuk untuk memenuhi impian tersebut dalam tempoh kurang daripada 10 tahun akan datang, kerajaan bersetuju untuk merombak sistem



pendidikan negara dengan memberikan lebih penekanan kepada daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi, serta daya saing yang tinggi. Sebanyak RM29.3 bilion diperuntukkan dalam Bajet 2011, iaitu peningkatan sebanyak 24.9 peratus berbanding tahun 2010 sebanyak RM25.5 bilion.

Taburan peruntukan tersebut kali ini nampak lebih menyeluruh dan agak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Bagi memastikan matlamat tersebut dicapai, kerajaan sudah pun meluluskan dana sebanyak RM6.4 bilion bagi membina dan menaik taraf sekolah-sekolah, asrama, peralatan, serta memartabatkan profesion perguruan. Pada masa yang sama, tambahan sebanyak RM213 juta turut disediakan bagi memberi ganjaran kepada sekolah berprestasi tinggi, pengetua, guru besar, serta guru cemerlang. PELUANG

### PENDIDIKAN LEBIH BAIK DI MALAYSIA BERBANDING AMERIKA SYARIKAT

Generasi muda negara ini sangat beruntung kerana berpeluang mendapat pendidikan yang lebih baik berbanding pelajar di Amerika Syarikat, Britain, dan Jerman, berdasarkan Laporan Daya Saing Global 2011/2012 yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum) belakangan ini. Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata daripada segi kualiti pendidikan, Malaysia berada di tangga ke-14 secara keseluruhannya dan di tempat kedua selepas Singapura bagi rantau Asia Tenggara. Hal ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan kita. Sudah pasti kejayaan ini adalah hasil usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan rakyat dalam meningkatkan kualiti pendidikan, kualiti modal insan, dan daya saing negara.

Dengan adanya usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara dan kualiti modal insan yang dilahirkan, kita akan dapat meningkatkan lagi kedudukan negara kita dalam indeks daya saing global pada masa akan datang. Sehubungan dengan hal itu, kerajaan akan sentiasa berusaha untuk membangunkan modal insan berkualiti melalui pendidikan, latihan, dan proses pembelajaran sepanjang hayat, sekali gus melonjakkan pencapaian sebagai negara maju pada tahun 2020.

Pendidikan dan modal insan umpama saudara kembar kerana merupakan dua perkara yang saling bergantung antara satu sama lain. Hal ini kerana melalui pendidikanlah dapat menghasilkan modal insan dan modal insan tidak akan dapat dilahirkan tanpa adanya pendidikan. Pendidikan adalah wahana yang sangat penting untuk melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara dan menentukan arah tuju negara dalam menghadapi arus pembangunan. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi tempoh 2006 hingga 2010 yang dilancarkan bertujuan untuk memastikan pendidikan yang berkualiti akan disediakan. PIPP juga dirangka untuk menyokong hasrat Misi Nasional yang menekankan pembangunan modal insan kelas pertama bagi menuju status negara maju melalui penekanan terhadap pembangunan dan penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, dan pembudayaan sikap progresif seperti yang ditegaskan dalam Pelan Integrasi Nasional (PIN).


### PENDIDIKAN SALURAN UTAMA MENJANA KECEMERLANGAN ILMU

Pelan ini akan meletakkan asas yang kukuh bagi melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat

sistem pendidikan negara di mata dunia. Hal ini demikian kerana pendidikan merupakan saluran utama untuk menjana kecemerlangan ilmu, melahirkan para pemikir dalam bidang sains sosial dan teknologi yang akan membawa pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Namun begitu, dalam kita merencanakan hala tuju pembentukan modal insan yang diimpikan, satu aspek yang tidak boleh dikesampingkan adalah asas atau dasar kepada pembentukan modal insan itu sendiri dalam konteks pendidikan di Malaysia. Apa yang dimaksudkan di sini adalah perlunya modal insan yang ingin dilahirkan tersebut selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Malaysia (FPN) sendiri yang merupakan batu asas kepada corak pendidikan Negara. FPN yang merupakan asas kepada pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia menggambarkan suatu impian yang cukup besar untuk melihat lahirnya dari sistem pendidikan Malaysia ini individu-individu unggul dan seimbang, serta harmonis dalam pelbagai aspek.

Hal ini dapat dinilai daripada dua entiti penting yang terkandung dalamnya, iaitu wajah insan yang dihajati dan kaedah untuk mencapai wajah insan itu. Secara ringkas, FPN menggariskan bahawa individu yang diimpikan ialah individu yang baik, seimbang dan harmonis dalam pelbagai aspek iaitu meliputi aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Walau bagaimanapun, keseimbangan dan keharmonian keempat-empat aspek berkenaan tidak sempurna melainkan hanya apabila didasari oleh ketataan dan kepatuhan kepada Tuhan. Di sinilah kemukab dasar FPN yang menentukan keberkesanan sistem pendidikan negara.





## Rencana UMUM

### NEGARA PERLUKAN PELAJAR SEBAGAI MODAL INSAN BERKUALITI

Negara kita memang sangat memerlukan golongan pelajar sebagai modal insan berkualiti dalam menajana pembangunan negara bagi mencapai status negara maju menjelang 2020. Modal insan yang berkualiti tidak sekadar mempunyai ilmu dan kepakaran, keahlian dan profesionalisme tinggi, tetapi mendukung sahsiah tinggi. Sahhsiah tinggi penting dihayati kerana jenis cabaran dalam bidang masing-masing tidak sahaja sifatnya intelektual, teknikal dan profesional, tetapi menuntut kualiti amanah, adil, telus, dan tulus pada diri. Modal insan berkualiti tidak sahaja terbabit dengan kerja mekanikal, profesional, dan saintifik, tetapi memerlukan etika dan nilai supaya urusan menjadi tulus dan telus.

Modal insan yang terbabit dengan salah tadbir, rasuah, mementingkan diri sendiri, oportunist umpamanya tidak akan menjadikan organisasinya cemerlang. Dengan kata lain, segulung ijazah sahaja tidak cukup melahirkan modal insan yang benar-benar boleh menangani cabaran masa depan. Pembangunan insan harus dilengkapi dengan pembangunan jiwa dan hati nurani, iaitu insan yang penuh dengan keinsanannya. Pembangunan modal insan sebenarnya menjadi indikator atau petunjuk penting dalam pembangunan sesebuah negara di seluruh marcapada.

Negara-negara yang maju menjadikan pembangunan modal insan sebagai sasaran utama. Malaysia juga mengambil pendekatan yang sama dalam strategi membangunkan modal insannya. Para remaja atau generasi muda menjadi sasaran penting pembangunan modal insan kerana mereka mempunyai potensi yang amat bernilai untuk dibangunkan. Pada diri remaja, terdapat dinamika diri untuk maju ke hadapan dan sebagai sumber penting bagi membentuk zaman dan kemajuan. Hal ini demikian kerana pembangunan modal insan bukan sahaja penting kepada pertumbuhan masyarakat, malah memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi.

Konsep modal insan mempunyai dimensi yang luas, iaitu daripada aspek individu, masyarakat, dan ekonomi. Dengan memperkukuh modal insan itu sendiri akan menggalakkan peningkatan produktiviti negara, sekali gus akan menjana pendapatan lebih baik, di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang

dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan, dan mencukupi dengan keperluan negara pada 2020.

### GURU PERLU MENYAHUT CABARAN DAN TINGKATKAN ILMU

Dari segi kemalalahan negara, modal insan sememangnya menentukan hidup mati sesebuah negara. Kegagalan untuk membina generasi yang mempunyai minda kritis, berani mencuba sesuatu yang baharu, kreatif dan inovatif akan menjadi faktor penentu sama ada kita mampu untuk bersaing dengan orang lain. Dalam konteks ini, guru berperanan secara langsung dalam membentuk generasi pewaris kepimpinan negara ini berteraskan konsep modal insan yang digagaskan oleh kerajaan. Sebagai pendidik di barisan paling depan dalam usaha mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan negara, peranan yang dimainkan guru tidak ternilai. Guru perlu terus menyambut cabaran melahirkan modal insan dan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan mereka dalam usaha melahirkan anak bangsa yang berilmu, berkeperampilan, berkeupayaan dan berdaya saing.

Pelbagai dasar dan pelan induk yang dirangka kerajaan tidak akan berhasil tanpa pelaksanaan berkesan daripada guru. Di samping itu, strategi sistem pendidikan negara perlu dimantapkan secara menyeluruh bagi melahirkan modal insan yang mampu berhadapan dengan tuntutan dan cabaran dalam dunia tanpa sempadan. Hal ini demikian kerana pendidikan hari ini bukan lagi untuk mencelikkan pelajar buta huruf dan angka, sebaliknya mencelikkan mereka yang buta jati diri, buta budaya, buta nilai, budi bahasa, dan buta teknologi maklumat.

Sehubungan dengan itu, bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom, juga berpendapat bahawa modal insan ini ada tiga elemen yang selalu ditekankan, iaitu yang pertama ialah ilmu, maknanya guru menyampaikan ilmu - matematik, sains, sejarah, geografi dan sebagainya. Kedua ialah modal insan berkaitan dengan kemahiran sampingan dipanggil kemahiran insani (soft-skill). Kita tidak mahu murid sekarang ini mempunyai ilmu sahaja, tetapi tidak mempunyai kemahiran. Contohnya kemahiran pengucaapan awam, kemahiran mereka cipta kemahiran berkomunikasi, serta kemahiran berinteraksi. Kalau mereka masuk golongan



ini, mereka pandai menyesuaikan diri.

Dengan kata lain, kemahiran interpersonal yang tinggi bagi menjamin interpersoan serta kebolehan hidup bermasyarakat semakin penting berbanding kecemerlangan akademik. Ketiga dari segi nilai, bukan sahaja hebat dari segi penampilan diri atau fizikal, tetapi juga jujur, bertanggungjawab, dan ikhlas. Jadi ketiga-tiga nilai ini terkandung dalam modal insan yang mesti dihasilkan oleh guru-guru kita. Tegasnya, pembangunan modal insan adalah pembangunan diri lebih menyeluruh yang merangkumi semua aspek, baik daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran, dan jati diri.

### KESIMPULAN

Secara tuntas, aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya, serta diperkaya modal budayanya. Proses pembangunan modal insan bukanlah proses yang mudah dan hanya mengambil masa dua tiga tahun, tetapi menuntut penggabungan tenaga seluruh pihak dalam merealisasikan impian ini. Oleh itu, tanggungjawab berat ini bukan hanya terletak di atas bahu pihak sekolah, institusi pendidikan tinggi, jabatan-jabatan pelajaran, Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pengajian tinggi sahaja, malah turut tergalas bebannya di atas bahu institusi kekeluargaan dan masyarakat sekitar.